

04/09/1997

LTAT tidak hadkan jumlah pelaburan di BSKL

LEMBAGA Tabung Angkatan Tentera (LTAT), antara institusi dana terkemuka di negara ini, tidak akan menghadkan jumlah pelaburannya di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) dalam usaha menjaga kestabilan urus niaga pasaran saham.

Ketua Eksekutif LTAT, Datuk Lodin Wok Kamaruddin, berkata keputusan itu membabitkan pembelian dana dan saham tertentu terutamanya bagi kaunter terpilih yang dikenal pasti dapat menyumbang secara positif kepada LTAT dan pasaran keseluruhannya.

Sebelum ini, pembabitan kebanyakan pengurus dana tempatan di pasaran tempatan agak terhad dan pendedahan mereka hanya sekitar di antara lima dan 10 peratus di pasaran saham tempatan.

Selain menjaga kestabilan urus niaga pasaran saham tempatan, beliau berkata, langkah itu membolehkan LTAT membeli saham pada harga murah secara besar-besaran berikutan keadaan pasaran yang menurun, ketika ini.

"Dalam keadaan pasaran yang menurun ketika ini, kebanyakan saham yang diniagakan di BSKL dijual pada harga murah dan ini dianggap sebagai masa paling sesuai untuk membeli.

"Harga murah itu disebabkan oleh prestasi nisbah pendapatan harga (PE), hasil dividen yang rendah berikutan pasaran menurun dan adalah antara kriteria yang ditetapkan oleh LTAT dalam pembelian saham," katanya selepas mesyuarat luar biasa LTAT di Kuala Lumpur, semalam.

Keputusan melabur secara besar-besaran di BSKL itu juga dibuat berikutan saranan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad minggu lalu supaya institusi dana tempatan masuk ke BSKL bagi mengekang kejatuhan harga berterusan.

Lodin berkata, ketika ini LTAT menguruskan dana berjumlah kira-kira RM10 bilion di pasaran tempatan.

Sementara itu, LTAT yang juga pemegang saham terbesar Affin Holdings Bhd (Affin Holdings) berkata, pihaknya bercadang meluaskan sektor perkhidmatan kewangan dengan melaksanakan operasi rumah diskaun dan broker kewangan.

Langkah itu akan dibuat menerusi pembelian Affin Discount Bhd yang terbabit dalam operasi rumah diskaun pada harga RM152.5 juta dan Telenas (M) Sdn Bhd yang bergiat dalam broker kewangan pada pertimbangan RM13.4 juta.

(END)